

01 MAR 2003

Mahathir-Pelancongan

PERKAMPUNGAN AIR DI LANGKAWI MAMPU TARIK PELANCONG

LANGKAWI, 1 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mahu lebih banyak pusat pelancongan berkonsepkan perkampungan air bertaraf antarabangsa dibina bagi menarik lebih ramai pelancong luar berkunjung ke negara ini.

Perdana Menteri berkata beliau percaya pelancongan berkonsepkan kampung air ini mampu menarik pelancong asing yang ingin mengalami suasana kehidupan kampung air seperti di Sabah, Sarawak dan Brunei.

"Jika kita dapat menyediakan kampung air yang mempunyai kemudahan moden dan selesa serta bersih, saya yakin kita akan dapat menarik pelancong asing yang kaya," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian Langkawi Lagoon Resort di Padang Matsirat di sini.

Mengambil contoh Port Grimaud di Perancis, sebuah perkampungan air yang memiliki kemudahan seperti rumah kedai, restoran, hotel dan marina, Dr Mahathir berkata konsep seperti itu boleh dilaksanakan di negara ini.

"Saya telah melawat tempat itu. Saya dapati ada persamaan antara kampung air (Malaysia) dengan tempat itu. Kalau kita dapat bangun kampung air sebegitu, saya percaya pelancong asing akan tertarik untuk datang bagi merasai kehidupan kita," katanya.

Perdana Menteri berkata kampung air di Malaysia kurang menarik terutama di Pantai Barat kerana air laut kurang jernih dan bersih akibat limpahan lumpur yang mengalir bersama air sungai.

Kerajaan sedang menjalankan kajian untuk mengatasi keadaan ini tetapi belum mencapai sebarang hasil.

"Air laut kita sebenarnya jernih, contohnya 10 km dari pantai seperti di Pulau Payar, airnya sangat jernih untuk pelancong menikmati pemandangan kehidupan laut," katanya.

Dr Mahathir meminta kerjasama pemaju tanah di sepanjang pantai mempelajari teknologi yang mampu mengelak limpahan lumpur mengalir ke laut.

Beliau berkata sejajar dengan itu, kerajaan akan membangunkan lebih banyak marina untuk menarik pemilik kapal layar bersaiz besar berlabuh dan melawat tempat-tempat menarik di sekitarnya.

Beliau berkata kerajaan akan membangunkan marina di kawasan yang didapati sesuai seperti di Pulau Tioman, Pulau Pinang dan negeri di Pantai Timur.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata kerajaan mahu melihat kedatangan lebih ramai pelancong ke negara ini.

"Sasaran saya ialah satu orang pelancong untuk satu orang penduduk Malaysia dan mahu melihat sasaran ini tercapai esok," katanya secara berseloroh.

Pada ucapan perasmiannya, Dr Mahathir berkata cuaca panas di negara ini tidak seharusnya menjadi halangan buat pelancong asing terutamanya dari Eropah untuk berkunjung.

"Cuaca panas sebenarnya menjadikan kulit halus dan tidak berkedut, dan itu menjadikan orang Asia nampak muda setiap hari," katanya sambil disambut dengan tepukan para hadirin.

Langkawi Lagoon Resort yang bertaraf lima bintang dibina oleh MKLand Holdings Berhad dan menelan belanja RM100 juta.

Terletak berhadapan Laut Andaman dan menawarkan kemudahan bilik bertaraf suite dan kampung serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti kolam renang, jakuzi, gimnasium, sauna, permainan dalam dewan dan lain-lain kemudahan.

Ini adalah projek ketiga MKLand selepas Bukit Merah Laketown Resort dan Taiping Golf and Country Club.

-- BERNAMA

MAN MZM ZS PR